

Headline	TH umum 1 Nov 2019 tarikh akhir aktifkan akaun		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	08 Oct 2019	Color	Black/white
Section	Ekonomi	Circulation	31,034
Page No	10	Readership	93,102
Language	Malay	ArticleSize	96 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 358
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,073



TH umum 1 Nov 2019 tarikh akhir aktifkan akaun

KUALA LUMPUR: Lembaga Tabung Haji (TH) telah menetapkan 1 Nov 2019 sebagai tarikh akhir bagi pen deposit tidak aktif untuk mengaktifkan akaun masing-masing untuk mengelakkan risiko kehilangan manfaat sebagai pen deposit akaun aktif TH.

TH dalam satu kenyataan semalam berkata, ia telah mengenal pasti lebih 700,000 akaun pen deposit TH (sehingga akhir Ogos 2019) melibatkan jumlah simpanan sebanyak RM60.4 juta yang tidak melakukan sebarang transaksi melebihi tujuh tahun berturut-turut mulai 2012.

"Akaun-akaun yang masih tidak diaktifkan selepas 1 Nov 2019 akan dipindahkan ke dalam kumpulan akaun dormant (tidak aktif) dan

akaun-akaun tersebut tidak lagi memperoleh manfaat sebagai pen deposit akaun aktif TH.

"Namun begitu, akaun yang dipindahkan ke akaun dormant tersebut masih lagi boleh dituntut dan dibayar kepada pen deposit TH menurut peruntukan seksyen 23(2) Akta Tabung Haji 1995," kata TH.

Menurut TH, para pen deposit boleh mengaktifkan akaun masing-masing dengan melakukan sekurang-kurangnya satu transaksi simpanan atau pengeluaran wang.

Ia boleh dilakukan di mana-mana cawangan TH, kaunter juruwang (uniteller), atau melakukan transaksi atas talian dengan mana-mana rakan strategik TH iaitu Bank Islam, Bank Rakyat, Maybank dan CIMB di se-

luruh negara.

Pen deposit juga boleh menyemak status akaun mereka di saluran-saluran ini dengan hanya membawa kad pengenalan masing-masing.

"Setiap tahun, TH akan mengingatkan para pen deposit untuk memastikan status akaun sentiasa aktif, di samping mengemas kini data peribadi seperti alamat, nombor telefon dan penamaan waris bagi memudahkan TH menghubungi pen deposit atau waris mereka untuk urusan penghantaran surat tawaran haji dan pengurusan akaun," kata TH.

Untuk sebarang pertanyaan berkaitan akaun tidak aktif atau sebarang perkhidmatan TH, orang ramai boleh menghubungi talian khidmat pelanggan di nombor 03-6207 1919. — Bernama